

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mahathir lawat bandar Chittagong

Oleh AZIZ HASSAN

DHAKA, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan perwakilan sektor swasta Malaysia, yang sedang melawat Bangladesh, hari ini mengunjungi bandar pelabuhan Chittagong.

Rombongan Perdana Menteri berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Zia jam 8.50 pagi dengan sebuah pesawat khas Syarikat Penerbangan Biman, diringi oleh Menteri Perindustrian dan Perdagangan Bangladesh, Encik S.M. Sahflul Azam.

Sejurus selepas tiba, mereka menaiki helikopter untuk melawat kilang karpet jut Forat Karnaphuli.

Perdana Menteri kemudian bertolak ke Chandraghona untuk melawat sebuah kilang kertas dan krayon.

Rombongan Datuk Seri Dr Mahathir makan tengah hari di Kaptal sebelum kembali ke Dhaka.

Perdana Menteri dan rombongannya dijadualkan berlepas ke Colombo pagi esok untuk meneruskan lawatannya ke Sri Lanka selama empat hari sebelum melawat Maldives.

Dalam aturcara berasingan, Datin Seri Dr Siti Hasmah, semalam melawat Hospital Shishu dan menyampaikan derma M\$5,000.